

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 09 / 08 / 2007

# Perdana Menteri arah perluas tanaman kelapa

Um - 9/8/2007

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

**PUTRAJAYA** 8 Ogos – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan program pemulihan dan penanaman semula kelapa dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pengeluaran minyak kelapa dara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, arahan tersebut dikeluarkan semasa mesyuarat Kabinet hari ini berikutan terdapat permintaan yang tinggi untuk kegunaan minyak masak dan minyak kelapa dara.

“Minyak kelapa dara satu produk berkualiti tinggi yang sudah diaplikasikan dalam banyak bidang rawatan dan farmaseutikal untuk kegunaan luaran mahu pun dalaman,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, bagi tujuan itu, lebih 100,000 hektar tanah melibatkan geran lebih RM600 juta akan terlibat dalam skim penanaman dan pemulihan semula kelapa di seluruh negara.

Sebagai permulaan, keutamaan akan di-

**Arahan tersebut dikeluarkan semasa mesyuarat Kabinet hari ini berikutan terdapat permintaan yang tinggi untuk kegunaan minyak masak dan minyak kelapa dara**

**MUHYIDDIN YASSIN**  
Menteri  
Pertanian dan  
Industri Asas  
Tani

berikan di Perak, Selangor dan Johor iaitu negeri yang menjadi pusat pengeluaran kelapa terbanyak.

“Usaha ini bukan dilaksanakan dalam masa singkat, mungkin melangkau ke Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10),” katanya.

Menurutnya, selain diberikan bayaran, syarikat United Plantation akan menjadi pembekal untuk benih kelapa baru Matag kepada penanam kerana ia mengeluarkan banyak buah dan minyak.

Beliau berkata, kementeriannya telah menyediakan kertas kerja berhubung perkara itu untuk diedarkan ke jabatan-jabatan bagi mendapatkan maklum balas daripada para pekebun kecil.

Mengulas mengenai masalah kekurangan bekalan daging di pasaran beliau berkata, pihak kementerian akan menghantar pasukan

khas untuk memeriksa semua rumah sembelihan di India.

“Sekiranya mereka patuh pada arahan kita, masalah bekalan daging akan dapat diselesaikan dan saya jangka menjelang akhir bulan ini masalah bekalan dapat diselesaikan,” katanya.

Muhyiddin menjelaskan, kekurangan bekalan daging dari India bukan membabitkan daging lembu sebaliknya kerbau kerana daging lembu hanya diimport dari Argentina, New Zealand, China, Australia dan Brazil.

“Pengguna selalunya hendak yang murah dan mereka tidak kisah walaupun ia daging kerbau kerana harganya baru RM7 atau RM8 sekilogram berbanding daging lembu yang mencecah RM18 hingga RM25 sekilogram.

“Tetapi apabila bekalan berkurangan di pasaran dan pembekal menaikkan sedikit harga, mereka mula terasa,” katanya.